

NASKHAH PERCUMA

فُریان گاجان اقصاد نگری یکٹن

# IKTISAD



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

PENGERAK PEMBANGUNAN UMMAH

BIL 1 / 2013

[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)



## ROYALTY EMAS RM10 JUTA UNTUK KELANTAN ► MS 7

Getah Klon Balak Melestari Hutan di Kelantan Selatan ► MS 8

Tiada Kawasan Gondol Di Hulu Kelantan ► MS 11

Karnival Antarabangsa Bio Kelantan Mampu Tarik Pelabur Luar ► MS 12

Jutawan Islam Wajib Berprinsip Agama ► MS 22

Kelantan SEDC And Business Networking ► MS 26



Daripada Abu Abdullah (dikatakan Abu Abdul Rahman) Tsauban bin Bujdad hamba yang dimerdekakan Rasulullah SAW katanya, sanda Rasulullah SAW, “Sebaik-baik wang yang dibelanjakan oleh seseorang ialah wang yang dibelanjakan untuk menyara keluarganya, wang yang dibelanjakan untuk binatang tunggangan pada jalan Allah dan wang yang dibelanjakan untuk kawan-kawannya di jalan Allah”.

(Hadith Riwayat Muslim)





- |    |   |    |   |    |  |
|----|---|----|---|----|--|
| 5  | Perutusan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK 2013               | 16 | Sana Sini PKINK   | 28 | Kenali & miliki kualiti Abdul Rahman bin Auf           |
| 7  | Royalti Emas RM10 juta Untuk Kelantan                       | 18 | Ekspo Kelantan 2013 Wajah Sebenar Kelantan                | 30 | Pembangunan Modal Insan Dalam Konteks Pendekatan Islam |
| 8  | Getah Klon Balak Melestari Hutan di Kelantan Selatan        | 19 | 101 Terima Kunci Rumah Kota SPP Warisan                   | 31 | Gerbang Bahasa : Keindahan Peribahasa                  |
| 11 | Tiada Kawasan Gondol Di Hulu Kelantan – Pakar               | 20 | PKINK Adaptasi Kemampuan PKNS Bangunkan Usahawan Tempatan |    |  |
| 12 | Karnival Antarabangsa Bio Kelantan Mampu Tarik Pelabur Luar | 21 | Pembinaan Kilang Sawit Tapis Pemangkin Ekonomi Setempat   |    |  |
| 13 | Sumber Mineral Tingkatkan Hasil Pendapatan Negeri           | 22 | Jutawan Islam Wajib Berperinsip Agama                     |    |  |
| 14 | Jaringan Kabel Gentian Optik Pertama di Kelantan.           | 24 | 13 Tip-Tip Perniagaan Usahawan Kecil Muslim               |    |  |
| 15 | PKINK dan Kerajaan Negeri Sediakan Rumah Kos Sederhana      | 26 | Kelantan SEDC and Business Networking                     |    |  |



# *Selembar Amanat*

Dari meja Ketua Editor

Bismillahirrahmanirrahim

**Daripada Aisyah r.ha., Nabi Muhammad SAW bersabda : "Wahai manusia lakukanlah amalan mengikut keupayaan kamu. Sesungguhnya Allah tidak jemu sehingga kamu jemu. Amalan yang paling Allah sukaialah amalan yang berterusan walaupun sedikit."**

(HR Bukhari no. 5413 (lidwa, juga sahih Muslim)

Alhamdulillah, pertama dan selamanya kita melaafazkan setinggi kesyukuran ke hadrat ilahi atas pertemuan awal bagi tahun 2013 menerusi Berita Iktisad Bilangan 1/2013. Merujuk kepada hadis di atas jelas menyatakan bahawa matlamat agung penciptaan manusia adalah untuk memperhambakan diri kepada Allah SWT dengan melakukan amalan tanpa berasa jemu. Itulah objektif sebenar dan tugas hakiki seorang manusia sepanjang melusuri kehidupan di bumi Allah SWT.

Sifat pengabdian dengan melakukan amalan-amalan untuk memperelokkan kerja juga disebut sebagai Itqan. Selaras dengan amalan untuk memperelokkan kerja, Sidang Editor Berita Iktisad juga cuba tampil dengan wajah baru dan isi kandungan yang lebih "segar dan nyaman" untuk tatapan umum. Secara tidak langsung menjadikan Berita Iktisad sebagai jambatan penghubung atau media perantara diantara Kerajaan Negeri dengan masyarakat luar.

Hasrat kami ingin melihat masyarakat terus mendapat maklumat tepat mengenai Negeri Kelantan dan perkembangan operasi Kumpulan PKINK apabila Berita Iktisad Bilangan 1 kini menyusul.

Penerbitan siri pertama ini adalah satu lagi komitmen Kumpulan PKINK bagi memastikan massaterus mendapat

maklumat yang tepat dan terkini berkaitan projek, langkah-langkah urus tadbir korporat serta program kemasyarakatan yang dilaksanakan. Bagi menepati asas sesuatu komunikasi, maka kehadiran Berita Iktisad dalam kalangan massa akan menyempurnakan keseluruhan proses komunikasi tersebut melalui bahan penulisan yang dipaparkan. Semoga bahan yang dipaparkan akan meningkatkan lagi kefahaman dan memberi penjelasan yang tepat berbanding apa yang mungkin dengar mahupun yang diperkatakan daripada sumber yang tidak menentu sebelum ini.

Atas kefahaman ini, pihak Sidang Editor bergerak seiring dengan pengurusan PKINK untuk mewujudkan amalan berguna dalam pengurusan harian yang cuba dipaparkan dalam Berita Iktisad ini yang akan mampu memberi injeksi spiritual kepada pengurusan dan penggerak ekonomi Negeri Kelantan. Janganlah pula input-input yang diterima dianggap sebagai retorik. Malah jadikan ia pembakar semangat demi meneruskan nawa itu dan amalan yang baik untuk menolong memperkasakan ekonomi rakyat Kelantan serta menangkis tanggapan liar dan dakyah yang dicetuskan mahupun diputarbelitkan pihak tidak bertanggungjawab untuk memburukkan PKINK mahupun Negeri Kelantan.

Pada masa sama, penyiaran cerita-cerita kejayaan syarikat-syarikat dalam kumpulan PKINK ini diharap akan mencetuskan inspirasi, motivasi dan iltizam kepada mana-mana syarikat atau individu untuk mengikuti prinsip dan jejak langkah mereka menginjak tangga kejayaan.

## **DR. HJ. WAN ZAWAWI BIN WAN ISMAIL**

Pengurus Pengurusan Sumber Manusia PKINK

### **PENAUNG**

**Hj. Mohd Sabri b. Abdullah**  
*Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK*

### **KETUA EDITOR**

**Dr. Hj. Wan Zawawi b. Wan Ismail**  
*Pengurus Pengurusan  
Sumber Manusia*

### **PENOLONG EDITOR**

**Mohd Roslan Mohd Zain**  
*Penolong Pengurus Pengurusan  
Sumber Manusia*

### **WARTAWAN**

**A Ubaidillah b. Alias**  
**Tengku Petra b. Tengku Wook**  
**Tuan Hissam b. Tuan Mamat**  
**Sofia Aizan bt. Che Soh**  
**Hawa bt. M. Salleh**

### **JURUGAMBAR**

**Tengku Petra b. Tengku Wook**  
**Tuan Hissam b. Tuan Mamat**

### **PENGEDARAN**

**Unit Perhubungan Korporat**

### **PENERBITAN**

**Unit Perhubungan Korporat**  
**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**  
**Perbadanan Kemajuan Iktisad**  
**Negeri Kelantan**  
**Tingkat 7 - 11, Bangunan PKINK**  
**Jalan Tengku Maharani,**  
**15710 Kota Bharu, Kelantan**  
**Tel: 09 - 7414141 Fax: 09-7414140**

### **PERCETAKAN**

**Dian Darulnaim Sdn. Bhd.**



# PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PKINK 2013

[Dan Katakanlah (Muhammad): “Ya Tuhan-ku, masukkan aku ke tempat masuk yang benar dan keluarkanlah (pula) aku ke tempat keluar yang benar dan berikanlah kepadaku dari sisi Engkau kekuasaan yang dapat menolong-ku).

Dan Katakanlah: “Yang benar Telah datang dan yang batil Telah lenyap”.

Sesungguhnya yang batil itu adalah sesuatu yang pasti lenyap.

Dan kami turunkan dari Al Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian.

Dan apabila kami berikan kesenangan kepada manusia niscaya berpalinglah Dia; dan membelakang dengan sikap yang sombang; dan apabila dia ditimpah kesusahan niscaya dia berputus asa. Katakanlah: “Tiap-tiap orang berbuat menurut keadaannya masing-masing”. Maka Tuhanmu lebih mengetahui siapa yang lebih benar jalannya. Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: “Roh itu termasuk urusan Tuhan-ku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit”.]

Surah Al-Isra' (80-85)

Assalamu'alaikum warahmatullah wa barakatuh

Alhamdulillah, dipanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas nikmat dan rahmatnya kita dapat berada di dalam tahun baru 2013 ini dengan penuh keafiatan bagi meneruskan tugas dan peranan kita sebagai hamba Allah dan khalifahNya di muka bumi ini.

Pada kesempatan ini saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2013 semoga tahun baru ini lebih baik dari tahun sebelumnya dalam segala apa yang kita ceburi baik dalam lapangan kerjaya, keluarga, dakwah dan selainnya. Saya juga berharap anggota Kumpulan PKINK dapat sama-sama mengembeleng usaha dan buah fikiran agar Kumpulan PKINK menjadi bertambah utuh bagi membolehkan ia berperanan



sebagai Penggerak Ekonomi Ummah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk Membangun Bersama Islam.

Sebagaimana yang umum maklumi, pembangunan dan pentadbiran adalah nadi utama sesebuah kerajaan. Kecekapan membangun dan mentadbir sesebuah kerajaan akan memastikan kelangsungan kerajaan tersebut, dan begitulah sebaliknya.

Menyedari bahawa membangun dan mentadbir sebuah kerajaan adalah satu amanah dari Allah SWT yang akan dipersoalkan kelak, maka kerajaan Negeri Kelantan telah mengambil satu pendekatan ke arah mewujudkan pentadbiran yang lebih efisien dan bertanggungjawab terhadap rakyat samada di dunia ini mahupun di akhirat nanti.

Berdasarkan kepada slogan Membangun Bersama Islam dengan tiga sendi utamanya Ubudiyyah, Mas'uliah



dan Itqan, Kerajaan Negeri berusaha mentadbir dan membangunkan Negeri Kelantan Darul Naim, Negeri Serambi Mekah dengan tаддан wahyu daripada Nya supaya rakyat Kelantan terdidik dengan sifat dan sikap bertaqwa hanya kepada Allah SWT.

Membangun Bersama Islam bererti, kepimpinan yang menekankan tanggungjawab di dunia dan di akhirat dengan meletakkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai rujukan utama, dan Ulama' sebagai paksi kepimpinan. Ianya menuntut pelaksanaan syariat Allah, menyampaikan dakwah, berusaha menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Dasar ini bermatlamat untuk memastikan semua urusan pemerintahan dan pentadbiran negeri yang dirancang adalah selari dengan matlamat Membangun Bersama Islam berpandukan ajaran al-Quran dan Sunnah. Seawal pelaksanaan pentadbiran, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan memperkenal, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar dan program-program ke arah merealisasikan hasrat untuk Membangun Bersama Islam. Dasar dan program-program utama yang telah dilaksanakan akan terus diperkuuh dan dipertingkatkan pelaksanaannya dan PKINK tidak terkecuali dalam melaksanakannya. Secara ringkasnya, dasar Membangun Bersama Islam yang telah diaplikasikan oleh Perbadanan dikatogerikan kepada tiga aspek iaitu-

- 1. Program pentadbiran dan kewangan;**
- 2. Program kemajuan Islam;**
- 3. Program pembangunan dan kesejahteraan rakyat.**

Keutuhan Kumpulan PKINK bukan terletak di bahu pihak Pengurusan Kumpulan sahaja tetapi ianya juga terletak kepada kesatuan dan kesepaduan semua anggota. Kekuatan yang kita ada merupakan kekuatan yang kolektif dengan tunjang bagi kekuatan tersebut ialah ketaqwaan, ibarat sebuah empangan yang penuh taqwa dengan air yang boleh menghasilkan kuasa-kuasa perubahan. Dari sinilah tumbuhnya sikap amanah, jujur, sanggup berkorban, mengutamakan misi syarikat, bekerja keras, setiaikawan, siapsiaga untuk menambah ilmu dan kemahiran serta lain-lain yang menjadi rempah ratus ke arah melengkapkan diri sebagai anggota Kumpulan PKINK.

Fokus kita bagi tahun 2013 ialah memastikan semua sektor utama Kumpulan PKINK iaitu Perlادangan, perkhidmatan dan hartaan dapat memberi tumpuan ke arah usaha untuk meningkatkan kecekapan prestasi serta meneroka peluang-peluang baru dalam bisnes yang dijalankan terutama menerusi pelaburan strategik yang mampu menjana pulangan yang besar kepada syarikat.

Terlalu banyak yang ingin kita lakarkan pada tahun ini namun terlalu sedikit masa yang tinggal untuk kita melaksanakannya. Justeru, saya menyeru kepada seluruh anggota Kumpulan PKINK agar memberi sokongan yang padu, jitu dan tidak berbelah bahagi kepada pihak Pengurusan Kumpulan PKINK dalam merangka serta melaksanakan perancangan yang telah diatur. Harapan saya ialah agar kita dapat berada, berperanan dan menyumbang kepada kejayaan Kumpulan PKINK bagi mencapai keberkatan Allah. Smeoga amanah yang diberi dapat kita laksanakan dengan pertolongan Allah.

Semoga tahun 2013 menjadi tahun yang bermakna kepada Kumpulan PKINK, menjadi kebanggaan kepada anggota Kumpulan dan menjadi satu ketandaan jasanya kepada Kerajaan Negeri Kelantan.



# Royalti Emas RM10 juta Untuk Kelantan

**KOTA BHARU:** Sebagaimana yang diketahui umum sebelum ini, Kelantan merupakan negeri yang terkaya dengan sumber mineral. Pada tahun 2004, Jabatan Perangkaan telah mengeluarkan data bahawa Kelantan adalah negeri pengeluar minyak utama di Malaysia. Bagaimanapun minyak bukan satu-satunya yang terdapat di bumi Serambi Mekah ini tetapi ianya juga kaya dengan sumber galian seperti emas, bijih besi, feldspar, batu marmar, granite dan barit.

Kini, perlombongan emas telah pun diusahakan oleh sebuah syarikat dari China iaitu China Nonferrous Metal Mining (Group) Co. Ltd (CNMC). CNMC merupakan sebuah konglomerat dari China yang terlibat dengan perlombongan emas di seluruh dunia.

Syarikat CNMC Holding itu mula beroperasi di Kelantan untuk carigali emas pada tahun 2007, setelah majlis perjanjian usahasama berhubung perkara itu dimeterai dengan Kelstone Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sebelum itu.

Melalui hasil perlombongan tersebut, Kerajaan Kelantan dijangka menerima RM10 juta royalti emas tahun ini dari syarikat berkenaan, memandangkan hasil bumi itu yang terletak di Sokor, Tanah Merah dijangka bertambah tahun ini.

Pada tahun 2012 pula, Kerajaan Kelantan telah menerima sebanyak RM5 juta sebagai royalti hasil

kejayaan syarikat itu.

Pengarah Eksekutif syarikat terbabit, Prof Lin Xiang Xiong, telah menyerahkan royalti tersebut kepada Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat yang berjumlah RM386,926,97 hasil daripada penerokaan emas di atas tanah seluas 1,065.2 hektar di Sokor, Tanah Merah.

Manakala cek berjumlah RM347,115,45 pula dibayar kepada Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah sebagai mewakili anak syarikat kerajaan negeri yang turut serta dalam perlombongan itu.

Majlis ringkas itu diadakan di Pejabat Menteri Besar, yang turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran) Negeri, Mohd Zainuddin Mohamed; Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Haji Mohd Sabri Abdullah dan Pengerusi Eksekutif CNMC Goldmine, Professor Lin Xiang Xiong.

Menurut Lin Xiang Xiong, pihaknya menjangkakan Kerajaan negeri akan menerima RM10 juta royalti memandangkan syarikatnya berjaya melombong hasil bumi itu dari setahun ke setahun.

Sehubungan dengan itu, Tuan Guru melahirkan kesyukuran di atas kurniaian royalti tersebut kerana rezeki kerajaan negeri untuk rakyatnya akan bertambah lebih-lebih lagi harga emas di pasaran dunia kini mencapai USD153 billion sekilogram.



# *Getah klon balak*

## melestari hutan di Kelantan Selatan

**D**AHULU kawasan Sungai Terah diliputi hutan tebal. Tempat tersebut bersarang binatang buas. Segala jenis binatang hutan ada di situ. Jarang penduduk sanggup datang mencari rezeki di kawasan berkenaan.

Namun pada tahun 1973 kawasan itu mulai berubah. Kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) membuka ladang getah di Ladang Kelasa dan Subong, Gua Musang.

Ladang Kelasa membabitkan kawasan seluas 2,665 hektar dan Ladang Subong pula seluas 2,993 hektar. Kemudian pada 1980 keluasan ladang getah ditambah menjadi 6,400 hektar (16,000 ekar).

Sungai Terah mulai berubah. Hutan belantara bertukar menjadi ladang. Ramai penduduk berpeluang mencari rezeki dengan bekerja di Ladang Sungai Terah.

Ada yang datang dari kawasan hilir termasuk Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Kuala Krai dan pelbagai lagi tempat lain di Kelantan. Mereka menjadi penoreh dan ada juga bekerja di bahagian ladang serta kilang. Kini penempatan tersebut menjadi perkampungan moden yang lengkap dengan pelbagai kemudahan asas



termasuk sekolah.

Pejabat operasi dan kilang Ladang Sungai Terah terletak di jalan Gua Musang – Jeli melalui Jelawang, Dabong. Kawasan ladang begitu luas mencakupi daripada jalan menghala ke Sungai Betis sehingga ke jalan Meranto-Jelawang.

Ladang Sungai Terah sehingga sekarang menjadi penyumbang penting kepada hasil pendapatan kerajaan negeri. Syarikat itu satu-satunya agensi milik kerajaan negeri yang paling awal mengusahakan ladang getah.

Ramai penduduk tempatan berpeluang mencari rezeki dengan menoreh di ladang tersebut. Selain itu ada juga yang bekerja di bahagian ladang seperti membaja, meracun dan membersihkan ladang.

Manakala sebahagian lagi bekerja di kilang getah. Bagaimanapun bermula pada 1997 Ladang Sungai Terah menukar tanaman getah kepada kelapa sawit sedikit demi sedikit.

Pengurus Besarnya, Haji Zazali Japar berkata, projek tanaman komoditi baru menggantikan getah dibuat bagi meningkatkan hasil pendapatan syarikat.

Katanya, bermula kawasan seluas 1,000 ekar pokok getah yang sudah tua ditebang dan diganti pula dengan



tanaman kelapa sawit.

Sejak beralih kepada tanaman kelapa sawit, Ladang Sungai Terah mulai menikmati keuntungan operasi bermula pada 1999. Ketika itu untung bersih diperolehi sebanyak RM4.3 juta, berbanding kerugian sebanyak RM12.9 juta tahun sebelumnya.

Ladang Sungai Terah sekarang mempunyai ladang seluas 17,000 hektar (40,000 ekar) yang terletak di Gua Musang dan Jeli. Ladang sawit mencakupi 70 peratus daripada keluasan ladang dimilikinya. Dan selebihnya ladang getah. Tanaman getah dikekalkan di Ladang Subong yang meliputi 55 peratus daripada keluasan ladang berkenaan.

Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd mengurus empat ladang iaitu Ladang Kelasa seluas 2,665 hektar, Ladang Subong (2,993 hektar), Ladang Nenggiri (4048 hektar) dan Ladang Kuala Balah (2,101 hektar).

Selain itu tiga ladang terletak di Jeli iaitu Ladang Tapis seluas 1,889 hektar. Ladang berkenaan diurus di bawah Ladang Tapis Sdn Bhd.

Dua lagi ladang diurus di bawah Ladang Rakyat Lubuk Bongor Sdn Bhd iaitu Lubok Bongor 1 seluas 1,955 hektar dan Ladang Rakyat Lubuk Bongor II (1,476 hektar).

Ladang Sungai Terah mensasarkan memiliki ladang seluas 50,000 ekar pada 2015 bagi memantapkan lagi kedudukan syarikat.

Biar pun Ladang Sungai Terah memberi tumpuan kepada penanaman kelapa sawit, namun tanaman getah tetap menjadi penyumbang penting.

Malah syarikat itu sekarang beralih pula kepada tanaman getah klon balak. Getah tersebut memberi pulangan dalam bentuk susu getah dan balak apabila mencapai tempoh matang.

## LADANG NENGGIRI II

Zazali berkata, getah klon balak yang ditanam di Ladang Nenggiri seluas 4,048 hektar dijangka mengeluarkan hasil beberapa tahun lagi. Getah klon balak mampu mengeluarkan susu kira-kira 70 peratus dan 30 peratus lagi digunakan untuk industri balak.

Ladang tersebut terletak di Meranto dan boleh ditebang sebagai balak selepas 15 tahun mengeluarkan susu getah. Batang getah dijangka membesar sehingga



Haji Zazali Japar,  
Pengurus Besar  
Syarikat Ladang Sungai  
Terah Sdn Bhd

sebesar pemeluk selepas berusia 30 tahun.

“Projek berkenaan merupakan sebahagian daripada program penghijauan hutan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Kelantan. Ia ditanam di kawasan hutan simpan.

“Syarikat Ladang Sungai Terah membuat pelaburan kira-kira RM70 juta bagi membangun projek berkenaan yang dimulakan pada 2009. Pokok getah yang ditanam dijangka dapat ditoreh beberapa tahun lagi.

“Di kawasan itu juga akan dibina rumah pekerja. Seramai 2,000 penoreh berpeluang mencari rezeki di ladang berkenaan apabila mengeluarkan hasil nanti,” ujar Zazali.

Kerja-kerja penanaman getah klon balak selesai dilakukan pada 2013. Kedudukan kawasan itu yang begitu tinggi hanya boleh sampai menggunakan pacuan empat roda.

Ketika tinjauan dilakukan krew Berita PKINK yang turut disertai Editor, Mohd Roslan Mohd Zain pada Mac 2013, pemandangan di kawasan itu cukup mengujakan.

Tinjauan itu diketuai Haji Zazali meneruskan pendakian sehingga menjelaki puncak hampir 700 meter dari aras laut. Kadang-kadang agak gayat memandangkan lurah di kiri jalan menjunam ke bawah.

Kuasa enjin empat roda terbukti handal menjelaki ketinggian itu tanpa sebarang masalah. Sekali sekala awam yang berarak menyapa ke badan kami apabila menerobos masuk ke dalam Toyota Hilux yang dinaiki.

Suasana nyaman tanpa perlu memasang pendingin hawa. Ketika berada di kemuncak semasa dalam perjalanan, pemandangannya sayup mata memandang.

Jalur bukit dan banjaran kelihatan jauh mata memandangkan. Masya-Allah begitu memukau sekali.

Suasana seperti itu juga boleh dilihat ketika kita berada dalam penerbangan. Suasannya cukup mempersonakan sekali. Malah rombongan kami yang turut disertai Pegawai Penyelidik Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, Mohamad Zainal Abidin Hussin, habis kata-kata untuk diucapkan bagi membayangkan keindahan alam maya ciptaan Allah Taala.

## GETAH KLON BALAK

Semasa melewati Ladang Nenggiri II mulai kelihatan anak-anak pokok getah klon balak yang subur



menghijau. Deretan pokok yang ditanam di lereng bukit yang diteres kelihatan sebesar betis lelaki dewasa. Malah ada yang lebih besar daripada saiz itu. Ia bergantung kepada kesuburan tanah. Kawasan yang ditanam getah tersebut meliputi keluasan 10,000 ekar mulai ditanam pada awal 2010.

Menurut Zazali anak pokok getah klon balak yang ditanam berusia 10 bulan, di mana setiap anak pokok berharga kira-kira RM3.

“Manakala perbelanjaan bagi penyediaan tapak tanaman termasuk membuat teres dianggarkan melibatkan kos sebanyak RM20,000 sehektar,” ujarnya.

Kawasan yang ditanam dengan projek tanaman getah klon balak merupakan kawasan hutan simpan miskin yang sudah lama dikeluarkan balak. Ia meliputi Hutan Simpan Berangkat. Kawasan berkenaan perlu dihijaukan kembali bagi memulih ekosistem dan pada jangka masa akan datang boleh mendatangkan pulangan hasil kepada kerajaan negeri.

Kawasan yang diteres dan sudah ditanam anak getah kemudian ditanam pula kekacang penutup bumi. Selain berupaya mengurangkan kadar hakisan tanah, tanaman kekacang juga mampu membekalkan nitrogen.

Zazali berkata, Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau ketat pembangunan tanah di kawasan itu bagi mengelakkan terjejasnya alam sekitar.

Pengurus Ladang Nenggiri 2, Muslim Hashim berkata, di kawasan itu juga disediakan tapak semaiannya getah klon balak. Katanya, getah tersebut dihasilkan melalui pemilihan benih getah yang bermutu tinggi dan dikahwin dengan spesis pokok klon



balak.

“Sekarang terdapat seramai 48 pekerja di mana hampir kesemuanya dari Lombok, Indonesia. Pokok getah ini dijangka dapat ditoreh bagi menghasilkan susu selepas berusia tujuh tahun.

“Dan batangnya boleh dijadikan balak selepas berusia 15 tahun memandangkan batang sudah membesar,” katanya ketika ditemui di tapak projek berkenaan.

Rumah kongsi yang disediakan dilengkapi bekalan elektrik yang dijanakan daripada generator. Begitu juga bekalan air diperolehi daripada punca takungan di puncak bukit berdekatan.

Anak sungai yang mengalir di kawasan itu kelihatan begitu jernih, di mana kawasan hutan asal dikekalkan sebagai zon penamparan.

Kawasan itu dianggarkan seluas serantai atau 66 kaki dikekalkan dalam keadaan habitat asal, di mana pokok-pokok besar dan kecil dibiarkan membesar.

Air jernih yang mengalir di celah-celah batu memperlihatkan keindahan alam semula jadi. Biarpun terletak tidak jauh daripada kawasan pembangunan ladang, namun ia tidak menjeaskan kejernihan air.

Zon penamparan yang disediakan dan teres dibina boleh menjadi penghalang kepada aliran air bercampur tanah ketika musim hujan. Malah pokok kekacang yang

ditanam sebagai penutup bumi di kawasan teres yang ditanam anak getah juga dapat menghalang aliran air hujan bercampur tanah mengalir terus ke sungai.

“Berdasar kepada peraturan ketat JAS tidak timbul masalah hakisan tanah di kawasan yang baru dibangunkan ladang seperti didakwa sesetengah pihak sebelum ini.

“Biar pun dithohmah penggondolan yang serius oleh pihak terbabit, namun tidak ada kenyataan JAS bagi menjelaskan situasi sebenar. Ini secara tidak langsung menggambarkan tidak berlaku penggondolan serius seperti didakwa pihak terbabit ketika kempen pilihan raya umum lalu,” ujar Zazali.

Malah menurutnya JAS dan konsultan yang dilantik syarikat sentiasa datang memantau kualiti air sungai di kawasan berdekatan dengan projek pembangunan tanah.

Projek perladangan getah klon balak akan memberi pulangan hasil baru kepada Syarikat Ladang Sungai Terah.

Susu yang akan dihasilkan diproses di kilang memproses susu getah, LST Latex Concentrate yang terletak tidak jauh daripada pejabat operasi di Sungai Terah.

LST Latex Concentrate dibina pada 1990 membabitkan kos sebanyak RM4 juta. Kilang berkenaan akan dipertingkatkan lagi mesin memproses susu bagi menampung getah klon balak dari Ladang Nenggiri II.

Hasil getah yang dikeluarkan sekarang memberi pulangan kepada Ladang Sungai Terah kira-kira RM1 juta sebulan, manakala ladang sawit mengeluarkan hasil lebih RM3 juta sebulan.

# Tiada kawasan gondol di hulu Kelantan - Pakar

KERJA-kerja tanah bagi aktiviti pertanian pada awal sememangnya tanah kelihatan menjadi "botak". Namun ia hanya bersifat sementara sahaja.

Bagaimanapun setiap syarikat atau agensi kerajaan yang terbabit dengan kerja-kerja tanah perlu menghantar laporan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Mereka perlu melantik konsultan berkaitan alam sekitar bagi memantau kerja-kerja tanah yang dilakukan.

Pengurus Besar Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd, Haji Zazali Japar berkata, tiap-tiap bulan konsultan datang mengambil contoh air sungai berdekatan dengan projek pertanian yang dijalankan.

Katanya, pemantau dilakukan dengan ketat bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar.

"Malah sebelum kerja-kerja tanah bermula laporan kesesuaian tanah dihantar kepada Jabatan Pertanian. Sekiranya ada kesesuaian dengan tanah barulah kerja-kerja awal dilakukan dengan pemantau ketat JAS.

"Dan ketika hutan hendak ditebang pemantauan dilakukan bagi mengelakkan ada binatang hutan terperangkap dan tidak boleh keluar," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Gua Musang, baru-baru ini.

Sebelum ini media konvensional dan elektronik mendakwa Kelantan membiarkan pembalakan haram dan pertanian berleluasa sehingga menyebabkan berlaku penggondolan.

Malah ada risalah khas dicetak dan diedar ke merata tempat dengan mendakwa banyak kawasan di hulu Kelantan gondol akibat aktiviti pembalakan.

Zazali yang mempunyai kepakaran dalam bidang perladangan berkata, bagi kawasan yang terletak tidak jauh dari sungai perlu ada zon penampang sejauh 66 kaki.

Katanya, zon penampang perlu dipatuhi bagi



mengelakkan air sungai tercemar. Selain itu teres yang dibina juga boleh mengelakkan tanah dibawa air hujan ke sungai.

"Teres yang dibuat boleh menjadi tempat menyimpan air apabila berlaku hujan dan dapat mengelakkan anak sungai menjadi keruh."

"Selain itu selepas penanaman dilakukan pokok kekacang ditanam dan selepas enam bulan kawasan yang dibotak akan ditumbuhinya pokok kekacang penutup bumi," ujarnya.

Beliau juga berkata, pemantauan yang dilakukan JAS menggunakan kaedah Global Positioning System (GPS) melalui satelit bagi melihat penggondolan yang berlaku. Kata beliau sekiranya berlaku penggondolan kawasan tersebut akan dikategorikan sebagai red spots.

Oleh itu Zazali berkata, berdasarkan kepada laporan dan kajian, belum ada kawasan yang dikatakan gondol akibat aktiviti pertanian di Kelantan sehingga sekarang.

"Ini kerana pemantauan yang dilakukan JAS begitu ketat sekali," katanya sambil menyifatkan dakwaan penggondolan yang digambarkan media sebelum ini, lebih mirip kepada agenda politik.

Malah kata beliau juga Kelantan merupakan negeri yang paling luas mempunyai kawasan hutan di Semenanjung Malaysia sehingga sekarang.



Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

# Karnival Antarabangsa Bio Kelantan 2013 Mampu Tarik Pelabur Luar

**KOTA BHARU:** Bidang bioteknologi merupakan bidang yang diberi tumpuan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Oleh itu, pelbagai usaha dan aktiviti telah dijalankan bagi mengembangkan lagi bidang bioteknologi bukan sahaja untuk dikenali oleh seluruh rakyat kelantan bahkan juga ingin menarik minat para pelabur dan usahawan untuk menceburii bidang bioteknologi sekaligus membuka ruang kerjasama antara pelabur dengan Kerajaan Negeri Kelantan melalui Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sekali lagi menyambut baik langkah Kerajaan Negeri Kelantan dalam menganjurkan Karnival Antarabangsa Bio-Kelantan 2013 yang bertemakan “Mengembalikan Kegemilangan Tamadun Islam Melalui Bioteknologi” dalam usaha ke arah merealisasikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara 2015.

Karnival yang berlangsung selama 3 hari bermula dari 28 Februari hingga 2 Mac lalu di Pusat Dagangan Kelantan (KTC), telah dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Haji Nik Mat. Turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi, YB Dato’ Hj Che Abdullah Bin Mat Nawi dan tetamu khas Menteri Sains dan Teknologi, Kerajaan Negara Thailand, Mr. Woravat Auapinyakul.

Karnival Antarabangsa Bio-Kelantan 2013 ini merupakan persidangan dan pameran yang dihadiri oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan dari seluruh negeri Kelantan dan turut disertai oleh Negara Thailand bagi memperkenalkan bidang bioteknologi kepada seluruh rakyat negeri Kelantan.

Untuk karnival kali ini, PKINK telah bertindak sebagai sekretariat bagi menguruskan persiapan karnival supaya segalanya berjalan dengan lancar. Selain itu, PKINK juga tidak ketinggalan untuk menyertai pameran agensi melalui anak syarikatnya iaitu Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) bagi menyebarkan segala maklumat dan perkembangannya dalam bidang bioteknologi.

Karnival ini mendapat sambutan



menggalakkan daripada pengunjung yang turut menyertai aktiviti yang disediakan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Bio-Explorace yang turut disertai oleh pihak PKINK yang berjaya mendapat tempat ke-4 dalam pertandingan itu.

Selain itu, karnival ini juga sebagai usaha bagi mewujudkan ruang perkongsian ilmu pengetahuan, penemuan terbaru dan pengalaman pemain industri, penyelidik serta usahawan dalam bidang bioteknologi selain menjadikan program ini sebagai platform menggalakkan dan mempromosikan perkembangan inovasi secara menyeluruh di Kelantan. Ini sekaligus membuktikan bahawa Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh untuk membangunkan ekonomi negeri dalam pelbagai aspek dan bidang bagi menarik tumpuan pelabur dunia supaya impak yang maksimum dapat dicapai dalam usaha membangunkan ekonomi di negeri Serambi Mekah ini.





Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

# Sumber Mineral Tingkatkan Hasil Pendapatan Negeri



**GUA MUSANG:** Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa Kelantan merupakan negeri yang terkaya dengan sumber mineral. Pada tahun 2004, data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan menggambarkan bahawa Kelantan merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang mempunyai sumber dari perlombongan gas.

Bagaimanapun bukan sekadar minyak ada di bumi Kelantan, sebaliknya negeri ini kaya dengan sumber galian seperti emas, bijih besi, feldspar, batu marmar, granite dan barit.

Pada masa ini bijih besi Kelantan telah di ekspot ke China melalui Pelabuhan Tok Bali, Pasir Puteh.

Kini, perlombongan bijih besi turut dijalankan oleh Syarikat Pulai Mining Sdn Bhd (PMSB) iaitu sebuah syarikat usahasama di antara Kelstone Sdn Bhd (syarikat anak PKINK) dengan Austral Malaysia Mining Limited. Syarikat PMSB telah menjalankan kerja-kerja carigali emas di Kelantan sejak tahun 2010 lagi.

Baru-baru ini, satu majlis pelancaran dan majlis menandatangani perjanjian pelaburan Kumpulan Sumberjaya Land dengan Pulai Mining Sdn Bhd telah diadakan di Kesedar Inn Gua Musang.

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah berkata, Perjanjian yang ditandatangani tersebut

bagi membolehkan PKINK melalui Kelstone, syarikat Pulai Mining dan Sumberjaya Land mengusahakan perlombongan besi dan emas secara usahasama di kawasan seluas 179.7 hektar di Kampung Pulai, Gua Musang.

Beliau berkata, dengan adanya projek usahasama ini, dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan terutama bagi penduduk Gua Musang.

“Melalui hasil perlombongan tersebut juga dapat menambah hasil royalti Kerajaan Kelantan dan dapat mempelbagaikan lagi pengeluaran sumber mineral di negeri Kelantan untuk dieksport ke luar negara,” ujar beliau.

Majlis menandatangan perjanjian pelaburan tersebut disaksikan oleh Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Pada majlis itu, Sumberjaya Land diwakili oleh Dato’ Sri Nik Othman Nik Hussein dan Dato’ Nor Hisham Hazizi, manakala PMSB diwakili Pengurusnya, Prof. Peter Anderson dan Pengurus Syarikat, Mr. Anthony Perich.

Hadir sama pada majlis tersebut, Pengarah Eksekutif Kelstone Sdn Bhd, Haji Mohd Shah Ab Kadir, pegawai-pegawai PMSB dan Sumberjaya Land.



Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat



Tuan Guru Menteri Besar menyaksikan majlis menandatangani perjanjian penubuhan konsortium pembangunan Jaringan Gentian Optik antara IQSB dan Symphonet Sdn. Bhd.



Tuan Guru Menteri Besar (tengah) ketika merasmikan pemasangan kabel optik bagi mempercepatkan kelajuan internet di Kelantan, baru-baru ini

# Jaringan Kabel Gentian Optik Pertama Di Kelantan

**KOTA BHARU:** Dalam era ledakan maklumat ini, teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT amat penting dalam segala urusan harian kita. Teknologi ini telah menguasai global ini dengan berleluasa. Hampir setiap saat orang menggunakan teknologi ini dan dengan teknologi ini jugalah menyebabkan kita boleh menguasai dan mengawal hampir setiap perkara di hujung jari sahaja.

Negarayangtidakmengutamakan ICT akan ketinggalan dalam arus pembangunan. Kemajuan ICT ini telah mendatangkan banyak manfaat kepada individu, masyarakat dan negara.

Menyedari hakikat itu, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui anak syarikatnya, Infra Quest Sdn Bhd (IQSB) yang sebelum ini berjaya membina lebih 200 buah menara telekomunikasi diseluruh negeri

Kelantan dalam tempoh 7 tahun telah menceburi satu lagi bidang baru dalam industri telekomunikasi di Kelantan iaitu pelaksanaan kabel gentian optik dengan menggunakan kaedah terbaru 'micro trenching dan micro duct', sekaligus menjadikan Kelantan setanding dengan negeri-negeri lain.

Jajaran kabel gentian optik fasa pertama melibatkan laluan bermula dari kawasan Kompleks Kota Darulnaim (SUK) menuju ke KB Cyber Plaza seterusnya ke bangunan Kelantan Trade Centre (KTC) yang melibatkan jarak sepanjang hampir dua kilometer.

Penggunaan kaedah micro trenching bagi pemasangan kabel gentian optik ini dapat mengelakkan kerosakan ke atas utiliti sedia ada di bawah permukaan jalan seperti paip gas, saluran air, kabel elektrik dan kabel-kabel telekomunikasi yang

lain.

Dengan adanya jaringan kabel gentian optik ini secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu komunikasi dan produktiviti di kalangan anggota kerajaan serta dapat membantu pihak berkuasa tempatan dalam menguruskan perancangan bandar secara sistematis. Ianya juga dapat memberi kemudahan kepada operator-operator telekomunikasi sedia ada yang mempunyai lesen 3G, 4G, Yimax dan LTE yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia.

Kewujudannya juga dapat membantu pentadbiran negeri menjadi lebih cepat dan cekap. Dengan itu, Kelantan akan lebih cepat mencapai wawasannya dan mencipta nama di persada dunia ini. Sebagai analoginya, segala urusan menjadi lebih sistematik.



# PKINK dan Kerajaan Negeri Sediakan Rumah Kos Sederhana

**KOTA BHARU** : Perbadanan kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah dipertanggungjawabkan di dalam menyediakan kemudahan perumahan kos sederhana kepada rakyat negeri Kelantan. Sebagai langkah pertama PKINK akan membina 2 blok pangaspuri kos sederhana setinggi 15 tingkat di atas tanah seluas 7.2 ekar di Seksyen 2, Jalan Atas Paloh, Bandar Kota Bharu.

Projek terletak di pinggir Sungai Kelantan dan berhampiran dengan Masjid Muhammadi, Kompleks Kastam, Tambatan DiRaja dan Kampung Gok Kapur yang terkenal dengan jualan ikan segar. Selain menyediakan 420 unit pangaspuri, projek tersebut juga menyediakan tempat letak kereta bertenagak dari tingkat bawah hingga tingkat 3 dan juga ruang niaga di tingkat bawah.

Harga jualan adalah pada kadar kos rendah walaupun pangaspuri tersebut bertaraf kos sederhana dengan harga RM70,000.00 seunit. Keutamaan akan diberi kepada penduduk asal di kawasan tersebut dengan tawaran harga yang cukup rendah, serendah RM50,000 seunit. Walaupun penjualan tersebut jauh tersasar dari harga kos, namun ini adalah merupakan satu tanggungjawab sosial PKINK terhadap masyarakat miskin di Kelantan.

Sebagai persediaan PKINK akan menyediakan rumah transit di Badang, Jalan Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu. Penduduk asal akan dipindahkan ke rumah transit tersebut sehingga alah pembinaan pangaspuri itu siap sepenuhnya.

Pembinaan perumahan ini dijamin mendapat sambutan yang amat baik di kalangan rakyat tempatan, selain kos rumah yang murah telah tersedia beberapa daya tarikan lain seperti berhampiran dengan pusat Bandar dan memiliki tanah yang begitu rata dan telahpun ditambah oleh JPS.

Pembinaan rumah transit dijangka bermula pada akhir tahun ini dan dijangka penduduk asal boleh berpindah ke rumah transit akhir tahun 2014. Kerja pembinaan akan bermula selepas itu dan dijangka tahun 2016 apartment mula boleh didiami.





# Majlis Persaraan Anggota PKINK

Majlis persaraan angota PKINK diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK pada 20 Mac 2013.



Puan Zakiah bersara pilihan pada usia 52 tahun.



Puan Hajah Siti Khadijah bersara wajib di usia 58 tahun.

## KSK Pergiatkan Aktiviti Tahunan

Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK (KSK PKINK) Berjaya menganjurkan beberapa program yang menguji ketabahan fizikal dan mental serta Berjaya memupuk semangat kerjasama sesama ahli.



Pada 2 Februari di Arena Futsal, Penngkalan Chepa



Anjur permainan online PES2012 pada 11 Mac di Bilik Makmal Komputer Tingkat 7, Bangunan PKINK



Di Puncak Gunung Rabung, Gua Musang bermula 8 hingga 10 Februari



# Mesyuarat Agung KSK PKINK Ke-32

Mesyuarat Agung KSK PKINK kali ke 32 telah diadakan pada 27 Mac 2013 di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK dan telah dirasmikan oleh Tuan Ketua Eksekutif PKINK Hj. Mohd Sabri b. Abdullah.



## Penghargaan Kontinjen SUPERB 2012



MAJLIS PENGHARGAAN  
KONTINJEN SUPERB

PKINK 2012

28 JANUARI 2013



Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

# Ekspo Kelantan 2013

## Wajah Sebenar Kelantan

**SHAH ALAM :** Kelantan sekali lagi melangkah ke hadapan dengan menonjolkan wajah sebenar Kelantan melalui penganjuran Ekspo Kelantan 2013 yang telah berlangsung pada 16 hingga 19 Mac lalu di perkarangan kompleks Kumpulan Media Karangkraf Shah Alam.

Ekspo yang dirasmikan Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat ini diadakan bertujuan untuk ‘membawa’ Kelantan ke ibu negara.

Ekspo anjuran Kerajaan Negeri dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) ini sebagai langkah mengetengahkan bukan sahaja budaya, malah keseluruhan tentang negeri ini termasuk ekonomi, pembangunan dan sosial kepada masyarakat di luar Kelantan.

Melalui ekspo ini juga, masyarakat luar Kelantan boleh mengenali Kelantan dengan lebih dekat dan tepat, yang mungkin berbeza dengan apa yang pernah mereka dengar dan lihat melalui laporan yang ‘menganaktirikan’ Kelantan selama 23 tahun kebelakangan ini.

Dalam ekspo ini, sebanyak 80 gerai pameran dan jualan disediakan untuk pengunjung. Pameran utama melibatkan agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri, syarikat korporat dan juga promosi jualan produk usahawan dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Kelantan di bawah bimbingan PKINK. Syarikat Kumpulan PKINK seperti Binaraya PKINK Sdn Bhd, SPP Development Sdn Bhd dan Kelkon Sdn Bhd juga tidak ketinggalan untuk menyebarkan maklumat berkaitan projek pembangunan di Kelantan.

Ekspo ini juga turut menyajikan maklumat berkenaan perkembangan Islam di Kelantan disamping promosi pelancongan dan pesta makanan tradisional kebanggaan negeri Kelantan.

Selain pameran, persembahan kesenian kebudayaan Kelantan turut memeriahkan ekspo tersebut.

Ekspo ini juga menjelajah ke seluruh Jajahan di Kelantan yang turut disertai oleh Permodalan Kelantan Berhad, Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd dan Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd.





# 101 Terima Kunci Rumah Kota SPP Warisan

**TUMPAT:** Bidang perancangan bandar memainkan peranan penting dalam usaha Kelantan mencapai taraf negeri maju. Bidang inilah yang memandu serta mengawal pembangunan gunatanah dan merancang penempatan bagi penduduk sesebuah kawasan.

Projek pembangunan bercampur yang melibatkan 101 unit kediaman termasuk 11 unit kedai pejabat, 11 unit teres 2 tingkat ekslusif dan Fasa 3A yang merangkumi 79 unit teres 1 dan 2 tingkat telah dibangunkan oleh SPP Development Sdn Bhd di atas tanah yang berkeluasan 56.29 ekar yang terletak di Mukim Selehong Utara, Daerah Tumpat dengan kos bernilai 70 juta.

Kedudukan projek ini di laluan utama di antara Kota Bharu – Tumpat - Pengkalan Kubor bakal menjadikan ia sebagai suatu pusat pertumbuhan baru di Jajahan Tumpat khususnya kawasan persekitaran. Selain itu, perlebaran jalan Pasir Pekan dan dengan siapnya Jambatan Sultan Yahya Petra II akan memendekkan masa perjalanan ke bandar Kota Bharu.

Dengan wujudnya kemudahan infrastruktur dan prasarana seperti masjid, tadika, taman permainan kanak-kanak dan rumah-rumah kedai akan menjadikan Kota SPP Warisan sebagai salah satu lokasi kediaman lengkap untuk didiami.

Selain itu, pelbagai usaha dilakukan untuk menjadikan Kota SPP Warisan sebagai model projek perumahan yang berjaya, pelbagai ciri tambah nilai (value added) telah dimasukkan untuk mempertingkatkan lagi suasana kehidupan di samping mewujudkan kawasan lapang untuk interaksi komuniti.

Setiap rekabentuk rumah adalah berkonsepkan ciri-ciri melayu dengan sentuhan senibina yang telah dimodenkan dengan elemen-elemen kontemporari supaya penampilan bangunan adalah berimejkan gaya hidup golongan muda dan profesional yang lebih dinamik, tetapi masih tetap mempunyai sifat kemelayuan yang mementingkan semangat kejiraninan tanpa menghilangkan hak-hak privasi individu.

Sebagai menghargai dan meraikan pembeli rumah tersebut dan rakyat sekitar, SPP Development Sdn Bhd telah mengadakan majlis penyerahan kunci rumah kepada 101 pembeli yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Ahmad Yakob, Timbalan Menteri Besar Kelantan.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Exco Kerajaan Negeri, Ketua Eksekutif PKINK, Timbalan Ketua Eksekutif PKINK dan Pengurus Besar SPP Development Sdn Bhd serta Pegawai-pegawai PKINK.





Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat & Nurul Adilah Hasbullah



# PKINK Adaptasi Kemampuan PKNS Bangunkan Usahawan Tempatan

**SHAH ALAM:** Demi mengangkat darjat dan martabat usahawan Melayu dan Bumiputera menerusi program-program ekonomi yang lebih inovatif dan sofistikated bagi menjana pendapatan berterusan bagi keuntungan usahawan Melayu dan bumiputera keseluruhannya, Bahagian Pembangunan Usahawan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan lawatan kerja ke Bahagian Pembangunan Usahawan Perbadanan Kemajuan Negeri

Selangor (PKNS) pada 15 Mac lalu bertempat di PKNS BizPoint, Shah Alam.

Lawatan ilmiah yang diketuai oleh Encik Hishamuddin Hussein, Pengurus Pembangunan Usahawan dan Encik Ahmad Hilmi Mohd Nawawi, Penolong Pengurus Pembangunan Usahawan, antara lain bertujuan bagi menimba ilmu pengetahuan dan berkongsi pengalaman mengenai pendekatan kreatif yang digunakan PKNS dalam meningkatkan tahap ekonomi usahawan Melayu dan Bumiputera

di Selangor untuk diaplikasikan oleh PKINK.

Taklimat mengenai pendekatan kreatif dalam pembangunan usahawan Melayu dan bumiputera telah disampaikan oleh Puan Nur Sabrina Buang, Pegawai Pembangunan Usahawan PKNS dan Encik Sharifuddin Muda, Perunding Kanan Smart Rich Group.

Taklimat tersebut turut menyentuh tentang beberapa perkara yang dipraktik dan diamalkan oleh PKNS dalam menarik minat usahawan mengikuti siri seminar yang dianjurkan antaranya, seminar peluang perniagaan yang boleh diteroka di Guangzhou, China yang mendapat sambutan begitu menggalakkan daripada usahawan seluruh negara.

Lawatan ini diharap dapat mengeratkan lagi hubungan antara dua Perbadanan Kemajuan Ekonomi negeri serta meneroka kerjasama dalam sektor ekonomi pada masa-masa akan datang.





Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat



Tuan Guru Menteri Besar menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pembinaan Kilang Sawit Tapis antara KPPB dan Modipalm Engineering Sdn. Bhd.



Tuan Guru Menteri Besar (tengah) merasmikan pembinaan jalan dan Kilang Sawit Tapis di Jeli, baru-baru ini.

# Pembinaan Kilang Sawit Tapis Pemangkin Ekonomi Setempat

**JELI:** Kerajaan Negeri Kelantan melangkah maju setapak lagi dalam bidang industri perladangan dengan membina sebuah kilang memproses Buah Tandan Segar (BTS) sawit di mana produk yang dihasilkan adalah minyak sawit mentah dan isirung sawit.

Pembinaan kilang sawit itu dilaksanakan oleh Kumpulan Perladangan PKINK Berhad (KPPB) milik penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Kilang tersebut terletak bersebelahan dengan Ladang Tapis, Mukim Bunga Tanjung, Jeli dalam kawasan seluas 22 hektar dan dijangka beroperasi pada awal 2014.

Sebagai peneraju dalam bidang perladangan dan industri hiliran di negeri Kelantan, KPPB akan meningkatkan keupayaan memproses 30 metrik tan BTS sejam kepada 45 metrik tan sejam. Untuk kelangsungan pemprosesan BTS berjalan lancar, pembinaan kilang ini telah memperolehi kelulusan dari pihak Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk memproses BTS sebanyak 180,000 metrik tan setahun. Kilang ini juga akan memproses BTS dari ladang-ladang milik KPPB di jajahan Jeli dan ladang di sekitar kawasannya.

Kilang yang sedang dibangunkan ini melibatkan kos pembinaan bernilai RM44.66 juta dan bakal memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan

sekitarnya di mana memerlukan seramai tidak kurang daripada 60 orang pekerja untuk memastikan kelancaran operasinya.

Di samping itu, infrastruktur utama juga akan disediakan termasuklah pembinaan jalan raya berturap dari jalan utama ke kawasan kilang yang menelan belanja hampir RM10 juta dan pembinaan kompleks perumahan Ladang Tapis. Dengan adanya jalan tersebut, ia dapat memberi kemudahan dan manfaat kepada penduduk setempat kerana jalan tersebut akan menghubungkan kawasan sekitar dengan jalan utama.

Selain itu, jalan ini juga bakal memberi kemudahan yang besar kepada penduduk setempat untuk mereka membangunkan kebun serta mengeluarkan hasil pertanian masing-masing.

Pembinaan Kompleks perumahan kakitangan akan dilengkapi dengan kemudahan air dirawat dan bekalan elektrik di dalam Ladang Tapis serta kemudahan masjid, rumah kedai, dewan serba guna, padang permainan dan padang bola.

Adalah diharapkan dengan terbinanya Kilang Sawit Tapis ini nanti, akan dapat membantu perkembangan ekonomi bukan sahaja kawasan sekitarnya dan Jajahan Jeli, tapi juga dapat membantu meningkatkan pembangunan ekonomi negeri Kelantan.



# JUTAWAN ISLAM

## Wajib Berprinsip Agama

Dalam Sahih al-Bukhari diceritakan bagaimana Abdul Rahman bin Auf yang baru berhijrah ke Madinah. Lalu nabi mempersaudarakan beliau dengan Sa'd bin Rabi' iaitu orang paling kaya di situ. Sa'd sedia menceraikan salah seorang daripada dua isterinya untuk dinikahi oleh Abdul Rahman selain memberi separuh daripada harta kekayaannya. Abdul Rahman membala "Semoga Allah SWT memberkati keluarga dan hartamu. Janganlah menyusahkan diri kamu sendiri. Kamu tunjukkanlah sahaja kepadaku arah ke pasar" Lalu ditunjukkan ke arah pasar Bani Qainuqa.

### ABDUL RAHMAN BIN AUF

Kisah ini mempamerkan peribadi mulia Abdul Rahman yang tidak mengambil kesempatan di atas sifat kedermawanan orang lain. Beliau ternyata seorang usahawan yang berjaya. Kejayaan ini tidak pula berpaksikan keuntungan individu semata-mata tetapi beliau meletakkan dirinya sebagai aset ummah yang penting dalam memberi khidmat murni menyediakan pelbagai keperluan barang yang diperlukan orang ramai. Malah, beliau tidak teragak-agak mengagihkan barang dagangan secara percuma jika keadaan memerlukan beliau berbuat demikian. Pernah ketika Saidatina Aisyah r.a memberitahu berita gembira mengenai kedudukan dirinya sebagai penghuni syurga oleh Nabi SAW, beliau terus menyedekahkan segala hartanya yang dibawa oleh 700 ekor unta dari Syam.

Hari ini, dunia Islam amat memerlukan kualiti peniaga seperti Abd. Rahman. Beliau bukan sahaja menonjolkan kejayaan dan pencapaian cemerlang dari segi kebendaan malah turut menjadi contoh hebat peniaga yang berkorban untuk ummah. Berbeza dengan masyarakat hari ini yang melihat kekayaan dari sudut kebendaan. Sehingga merasakan kekayaan itu boleh dicapai tanpa ada perkaitan dengan agama. Hal ini mungkin benar dari satu aspek, namun hakikatnya ia bercanggah dalam realiti kehidupan. Kekayaan tidak mampu dicapai atau diurus dengan baik, melainkan oleh seseorang yang utuh memiliki prinsip agama.



### PUAN HAJJAH FAIZA BAWUMI SAYED AHMAD

Sebagaimana kita melihat salah seorangnya ialah pemilik syarikat pemberong beras Syarikat Faiza Sdn Bhd. Beliau pernah berkata "Saya ingin menjadi pembayar zakat terbesar di negara ini." Puan Hajjah Faiza Bawumi Sayed Ahmad adalah wanita kelahiran Mesir itu berhijrah ke Malaysia pada tahun 1964 kerana mengikut suaminya.

Menyoroti kejayaan beliau sebagai usahawan bukan suatu perjalanan yang mudah. Ujar beliau "Kejayaan ini tidak datang dengan mudah, saya bermula dengan mengambil upah menjahit sulaman dengan modal RM4 selain menjual pelbagai barang dapur. Kemudian, saya beralih membuat rempah kari di bawah jenama Bunga Raya yang dilakukan di rumah dan mengedarkannya di kedai-kedai." Beliau akhirnya mampu menguasai bahasa Melayu setelah tiga bulan berada di Malaysia.


Beliau menjelaskan soal tujuan perniagaannya, "Niat saya hanya satu, iaitu tujuan saya berniaga bukan untuk kekayaan diri sendiri, tetapi untuk membantu orang lain terutama golongan miskin dan ibu tunggal menikmati kehidupan yang baik," Faiza juga turut menyarankan UMAT ISLAM di negara ini supaya hidup bersatu padu supaya tidak mudah ditindas oleh bangsa lain, dan hubungan yang kukuh sesama umat Islam bukan sahaja mampu memajukan masyarakat Islam di negara ini, malah mampu meningkatkan kedudukan ekonomi masyarakat tersebut.

### TAN SRI SYED MOKHTAR AL-BUKHARY

Seorang lagi tokoh yang sangat dikenali ialah Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary. Penulis percaya, beliau sangat dikenali sebagai seorang usahawan yang banyak menderma dan melakukan kerja-kerja amal. Tan Sri Syed Mokhtar dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada tahun 1951. Keluarganya berasal dari Hadhramaut, Yemen.

Sehingga kini, Yayasan milik beliau iaitu Yayasan al-Bukhary telah membelanjakan lebih RM300 juta bagi aktiviti keagamaan, kebudayaan dan pendidikan. Selain itu juga, Yayasan al-Bukhary hanya membiayai pelajar miskin. Antara inisiatif yang dilakukan adalah membiayai pelajar Muslim miskin dari serata ASEAN supaya belajar di Malaysia. Antara projek terbesar yang sedang dijalankan adalah pembinaan Kompleks al-Bukhary yang bernilai RM400 juta di Kedah yang dijangka siap pada akhir tahun 2004. Kompleks itu kelak memainkan peranan sebagai kompleks yang lengkap dengan pelbagai kemudahan seperti masjid, pusat perubatan, pusat komuniti, rumah anak yatim, akademi khas bagi warga tua dan pusat pengajian tinggi.

Antara projek besar yang disiapkan adalah Muzium Kesenian Islam Malaysia di Kuala Lumpur yang bernilai RM100 juta. Muzium empat tingkat itu adalah muzium pertama di rantau Asia Pasifik yang memaparkan hasil seni Islam. Yayasan al-Bukhary juga membina 12 buah masjid di serata negara. Pada tahun 2000, Yayasan al-Bukhary mendermakan sejumlah RM7.75 juta kepada Oxford Centre for Islamic Studies, iaitu pusat pengajian Islam yang terkenal di serata dunia. Yayasan al-Bukhary juga kini sedang membantu Institut Pembangunan Pendidikan Maju (MIED) dalam projek bagi mengasaskan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST) di Sungai Petani, Kedah.



### ISLAM TIDAK MEMUNDURKAN, TETAPI MENJAGA DAN MEMAJUKAN

Inilah bukti bahawa prinsip islam tidak bertujuan memundurkan sesuatu kaum. Malah ia menjaga dan memajukan nilai peradaban di dalam sesebuah masyarakat. Lihat sahaja hadis nabi yang bermaksud "Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para nabi dan orang siddiqin (di akhirat nanti)". Jelaslah bahawa prinsip agama itu sangat membantu untuk membina kemandirian dan prestasi cemerlang dalam diri seseorang. Malangnya, ramai orang Islam yang tidak mahu memakai prinsip itu dan memilih prinsip lain yang rapuh!



# 13 Tip-tip Perniagaan Usahawan Kecil Muslim

**U**sahawan kecil dalam konteks dunia blog Malaysia, bolehlah dianggap sebagai mereka yang ada blog yang menyediakan khidmat urusan jual-beli dalam talian, yang sediakan khidmat untuk promosikan produk, yang menyediakan platform pengiklanan sebagai publisher kepada penyedia khidmat pengiklanan seperti Nuffnang, Innity mahupun Advertlets; oh ya termasuklah juga Adsense.

Namun, ramai blogger terutama blogger usahawan kecil terlupa mengenai beberapa perkara yang sepatutnya menjadi amalan sebagai salah satu pemangkin kejayaan menjadi usahawan sebenar. Dato' Dr Mohd Fadzilah Kamsah telah memberikan tips dan panduan buat usahawan terutama usahawan kecil muslim untuk berjaya dalam dunia keusahawanan ini.

## 13 TIP-TIP PERNIAGAAN USAHAWAN KECIL MUSLIM

### Patuh Suruhan Allah S.W.T

Sangat penting untuk menjalankan perniagaan berlandaskan syarak, tidak langgar hukum hakam. Ia bagi memastikan sumber pendapatan adalah halal dan diberkati. Buat bisnes tapi hidup tak pernah merasa selesa, ada sumber pendapatan tetapi tidak pernah cukup, maka kena lihat akan punca sumber pendapatan ini.

### BERMUNAJAT DI MALAM HARI

Bagi seorang usahawan kecil muslim, penting untuk abdiikan diri pada Allah S.W.T kerana rezeki itu datang dariNYA. Bermunajat adalah salah satu cara untuk usahawan muslim menhadratkan syukur atas nikmat keuntungan bagi perniagaan yang dijalankan.





## MENDOAKAN IBU BAPA

Seorang usahawan yang berjaya takkan lahir andai tiadanya kedua ibu dan bapa. Berbuat baiklah pada mereka, sentiasa mendoakan dan berbaktiilah kepada mereka menerusi usaha niaga yang dijalankan.

## MEMBACA AL-QURAN

Jadikan kitab penuh aura keajaiban ini sebagai pendamping utama dalam menjalankan urusan perniagaan usahawan kecil. Banyak ayat-ayat Al Quran yakni doa yang boleh diperlakukan untuk menjadikan perniagaan menjadi maju dan dimudahkan segala urusan.

## SOLAT TAUBAT

Usahawan juga adalah manusia dan manusia tidak akan terlepas daripada melakukan kesilapan. Solat sunat Taubat mestilah menjadi amalan agar dapat muhasabah diri dan bersihkan diri dari dosa-dosa kecil yang mungkin tanpa sengaja dilakukan semasa melakukan urusniaga.

## SENTIASA BERISTIGFAR

Bibir perlu ringan dan bibir perlu lembut untuk sentiasa berzikir dan beristigfar kepada Allah S.W.T. Ini merupakan petua agar perniagaan usahawan kecil diberkati dan dirahmati.

## MELAKUKAN SOLAT SUNAT ISYRAK DAN DHUHA

Ini merupakan tips untuk murah rezeki, sentiasa berdoa kepada Allah S.W.T supaya perniagaan dapat berdaya saing dan maju.

## BERSEDEKAH DAN JANGAN LUPA ZAKAT

Sumber pendapatan menerusi perniagaan merupakan satu nikmat. Dan sepatutnya ia dikongsikan dengan golongan yang mungkin kurang berkemampuan. Bersedekah tidak akan mendatangkan kerugian kepada perniagaan, percayalah. Lebih banyak usahawan kecil bersedekah, maka pintu rezeki pula akan dibukakan berganda lebih. Dan tunaikan tanggungjawab untuk melunaskan zakat pendapatan sebagai langkah ‘pembersihan’ atas apa yang telah direzekikan menerusi perniagaan.

## BERSERAH DAN BERTAWAKAL PADA ALLAH

Sentiasa berserah kepada Allah S.W.T. Perniagaan

tidak semestinya akan terus-terusan mendatangkan keuntungan. Ada kala di waktu tertentu, sebagai usahawan perlu berserah kepada ketentuan yang telah direncanakan. Sentiasa takut akan azab Allah buat mereka yang melakukan perkara tidak baik dalam perniagaan, seperti menipu timbangan, tidak hantara produk yang dibeli, tidak menepati janji dan sebagainya.

## MEMBERI BINATANG MAKAN

Nampak macam lucu, tetapi inilah antara petua yang harus dibuat supaya perniagaan menjadi laris. Jika anda ada haiwan peliharaan, jangan lupa beri makan. Jika ada haiwan kelaparan yang datang ke premis, sediakan makan dan minum. Jangan mendera haiwan kerana ia juga sebahagian makhluk Allah yang melata di bumi.

## MENUNAIKAN HAJI ATAU UMRAH

Perniagaan sudah maju. Keuntungan banyak dapat, maka jangan lupa untuk tunaikan dengan kemampuan yang ada bagi menunaikan haji dan umrah. Allah telah memberikan jalan, maka gunakanlah jalan itu ke arah kebaikan dan tunaikan segala tanggungjawab sebagai seorang muslim.

## MURAH SENYUMAN

Berniaga perlu manis dan murah senyuman. Bukan setakat senyum, tetapi juga dengan kata-kata. Bukan kata manis yang penuh dusta, tapi kata manis yang memikat hati mereka untuk menjadi pelanggan perniagaan usahawan kecil anda.

## BERUMAHTANGGA

Jika anda bujang.... maka cepatlah bernikah dan berumahtangga. Pintu rezeki terbuka dengan luas buat mereka yang sudah berkahwin. Telah ditetapkan rezeki buat setiap orang di dalam isi rumah. Malah, ganjaran amalan buat mereka yang berkahwin adalah berkali-kali ganda jika dibandingkan dengan orang bujang. Bayangkan satu doa untuk murah rezeki dari seorang bujang digandakan sehingga puluh kali oleh Allah S.W.T jika yang memohon doa sudah berkahwin anak lima. Satu doa, tujuh orang yang mengaminkan (suami-isteri dan lima anak). Masya Allah.

Maka, andai anda seorang usahawan kecil muslim, cubalah praktikkan amalan dan tips petua usahawan kecil yang dikongsikan ini. In Sya Allah, akan ada keberkatan.

## KELANTAN SEDC AND BUSINESS NETWORKING

Menandatangi Perjanjian Konsortium Untuk Pembangunan Jaringan Optik Bagi Negeri Kelantan

Antara

JEST

SYM

SYNCHRO

4H / 2 April 2013

Kelantan.

SYNPHONET

SINCHRO



# KELANTAN SEDC AND BUSINESS NETWORKING

By Dr Hj Wan Zawawi bin Wan Ismail

**B**usiness people get business when their expertise is known and others reach a comfort level with them. This is quite rare when it comes to Kelantan businesses. There should be a platform which will provide a forum that allows Kelantan SMEs to meet their business peers and also to know effective and efficient business people.

One of the primary role of the Kelantan State Economic Development Corporation (SEDC) or Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) is to assist Kelantan SMEs in ways to improve their businesses and to educate them concerning how they can effectively network. This platform aims to be educational, inspiring and afforded the opportunity to meet other members interested in growing their businesses locally and internationally. It does so by providing an environment in which these SMEs will be able to develop personal relationships with dozens of other qualified business professionals. Kelantan SEDC believed that by establishing a “formal” relationship

with other businesses, Kelantan SMEs will have the opportunity to substantially increase their business.

Kelantan SEDC is committed in providing an environment where a relationship is created that adds value to both parties, creates connection, and builds a bridge to the follow-up opportunity. The best networkers design an environment where they continually add value to the people they connect with. They add value to the people they meet by asking questions that demonstrate a sincere interest in the other party. They also listen for opportunities to be of service by providing resources, information, and connections without expecting anything in return.

As a state agency involving in the economic development, Kelantan SEDC had initiated a number of programs and activities that provides current and aspiring business owners with an opportunity to network with one another and learn about services that could help their business grow. Additionally, these businesses will also be able to get information and speak to representatives from the government and other agencies whatever resources that will help enhance their businesses. Current and



aspiring business owners will have the opportunity to network and promote their businesses with other local small business owners; learn about business assistance programs offered by government and other agencies. Apart from speaking with representatives within the business community about business opportunities, they will also be able to obtain information about accessing capital, getting a small business loan, and writing a business plan and

It is widely believed that most successful businesses depend on word of mouth because this mode of advertising is the best way of advertising there is. This is because when business people meet they will exchange business cards and in the end, all of the participants will be carrying copies of others business cards around with them. When they meet someone who could use the related products or services, they hand out these cards and recommend their members. This will substantially increased referrals and also acts as tools to network more effectively,

A masterful networker's ultimate goal is to develop lasting connection. The best networkers are able to create an environment where connection is natural and spontaneous. They explore the other person's inspiration, passions and motivations for doing what they do. They create common ground, finding ways to share insights and information. Most importantly, the best networkers put the spotlight on the other party, seeking to learn rather than sell, to share rather than tell.

Networking is all about building relationships and then nurturing them. Businesses should tend to their business relationships as they tend to a garden—planting seeds and providing the right amount of water, sunlight nutrients and open air. Networking takes discipline, dedication and follow-up. However, most of us especially Kelantan businesses simply don't follow-up. This is the number one missed opportunity related to networking. Therefore Kelantan State Economic Development Corporation (SEDC) would act as a catalyst and mediator to see that Kelantan SMEs would be well connected to each other

## The best networkers add value, create connection and build bridges. They have a plan for contacting people they meet, and they act on that plan.



so that the link is not broken in years to come.

The best networkers add value, create connection and build bridges. They have a plan for contacting people they meet, and they act on that plan. There should be a paradigm shift of adding value, creating connection and building bridges is a powerful alternative to disconnection and desperation. Therefore, these concepts should be mastered and put them into daily practice. However in any businesses, Kelantan SMEs must understand that the act of "buying" is nothing more than a show of confidence that a given exchange will result in a positive experience. Like any relationship, trust and credibility must first be established—and the easiest way to establish that trust is with transparent, open dialogue that addresses the individual from their unique perspective. Therefore members of the Kelantan SMEs should uphold the rules of its profession so as not to violate the professional's ethical obligations.

Kelantan State Economic Development Corporation (SEDC) sincerely hopes that they would be able to open new windows to better and stronger networking amongst Kelantan businesses both locally and also in the international arena.



# Kenali & Miliki Kualiti

## *Abdul Rahman bin Auf*

Abdul Rahman Bin Auf adalah salah seorang sahabat Rasulullah yang akrab dan kaya-raya. Beliau mempunyai satu keistimewaan yang khas iaitu berjuang untuk menegakkan agama Allah bukan saja dengan pedangnya bahkan dengan harta dan kekayaannya juga. Beliaulah antara para sahabat yang banyak sekali mengorbankan kekayaannya untuk memperjuangkan kepentingan Islam.

Bukan itu sahaja, beliau adalah antara orang yang terkaya pada ketika itu, ini kerana beliau bijak bermiaga. Antara pendekatan yang beliau ambil sewaktu bermiaga ialah :

### PENGURUSAN EKONOMI BERASASKAN KEBAJIKAN

Kejayaan gemilang yang dicapai oleh Abdul Rahman bin Auf, tidak menjadikan beliau lupa daratan dan menyeleweng dari Manhaj Rabbani. Sebaliknya beliau menangani kekayaannya dengan menabur bakti kepada agama, perjuangan dan ummah.

Dikeluarkan oleh Abu Nuaim di dalam kitab Al Hilyah daripada Az Zuhri katanya : "Abdul Rahman bin Auf telah bersedekah di zaman Rasulullah saw. Setengah dari hartanya yang berjumlah Empat Ribu Dirham kemudian beliau mengorbankan 40 Ribu Dirham, 500 kuda di jalan Allah SWT. diikuti pula 1500 ekor unta di jalan Allah SWT.

Kesemua harta itu adalah hasil perniagaannya."

Antara pendekatan lain yang menjadikan beliau seorang usahawan yang berjaya adalah, sifat amanahnya yang patut kitajadikan contoh. Kecemerlangan yang diperolehi dalam perniagaannya, banyak bergantung kepada sifatnya yang amanah, sifat inilah meletakkan beliau sebagai usahawan yang berjaya dan beliau juga antara sahabat yang paling kaya di Madinah.

Rasulullah s.a.w. pernah menyebut : "Engkau adalah yang paling dipercayai (amanah) di kalangan penghuni langit dan engkau jugalah yang paling dipercayai (amanah) di kalangan penghuni bumi."

Selain itu, keperibadiannya yang soleh dan taat kepada Allah SWT pula menjadi modal utama yang menjana kemajuan gemilang dalam kerjayanya sebagai seorang ahli ekonomi dan usahawan. Peribadi ini diiktiraf oleh baginda Rasulullah s.a.w dengan sabdanya : "Tidak dicabut roh seseorang Nabi sehingga dia sembahyang di belakang seorang lelaki yang soleh (Abdul Rahman bin Auf) dari ummatnya."

Beliau juga mempunyai semangat jati diri yang kental, yang membolehkan beliau menghadapi segala aral melintang. Beliau telah dipersaudarakan oleh Rasulullah s.a.w dengan Saad Ibnu Rabi'e seorang bangsawan dan jutawan Madinah (Al-Ansar). Namun beliau tidak mengambil kesempatan dan peluang untuk membolot harta kekayaan saudaranya sekalipun beliau mendapat tawaran lumayan termasuklah memilih salah seorang daripada isteri saudaranya.



Sebaliknya beliau meminta Saad menunjukkan kepadanya di mana terletaknya pasar untuk beliau mulakan perniagaan dengan keringat dan semangat berdikari yang gigih. Sungguh beliau memang seorang pedagang yang berbakat dan pintar. Dalam sekejap masa, beliau berjaya menunjukkan kehebatannya dalam berdagang hingga berjaya memperolehi harta yang banyak. Beliau mempunyai 100 ekor kuda yang dapat dipergunakan dalam peperangan, 100 ekor unta, dan 10,000 ekor kambing sehingga diwaktu beliau meninggal, tatkala dihitung seperempat daripada kekayaannya, menyamai jumlah 84 ribu dinar.

Akan tetapi di samping

kekayaannya yang melimpah, beliau termasuk orang yang paling dermawan dan paling pemurah juga merupakan seorang tokoh sahabat yang paling banyak berbuat kebajikan terhadap kaum fakir miskin. Malah, beliau juga seorang yang berdikari dan tidak suka bergantung kepada orang lain sehingga beliau menjadi peniaga yang disegani. Prinsip berdikari yang dimiliki oleh Abdul Rahman bin Auf menjadi formula atas kejayaan dan kecemerlangan beliau. Berdikari adalah tanda harga diri individu yang bermaruah dan bebas dari hidup bergantung dengan orang lain. Prinsip inilah juga yang diajar oleh Rasulullah saw buat semua ummat bagi membina tamadun yang cemerlang.

Sabda Rasulullah saw : "Tiada sesuatu makanan yang baik melebihi apa yang dihasilkan dari usahanya sendiri. Nabi Allah Daud makan dari hasil usahanya sendiri." - Riwayat Bukhari

Bukan itu sahaja, beliau merupakan seorang yang tidak mengikut cara pemikiran "Fikrah Maadiyyah (Kebendaan)." Mereka yang terpengaruh dengan fahaman maadiyyah hanya akan memikirkan soal dunia semata-mata.

Renungi ungkapan ulama' sufi terkenal Abu Sulaiman Ad Darani "Jika akhirat memenuhi ruang hati, maka dunia tetap datang mendampinginya, namun tatkala dunia yang memenuhi ruang hati, maka akhirat akan menyisih, kerana sesungguhnya akhirat adalah suatu yang mulia sedang dunia adalah sesuatu yang keji."

**Di samping kekayaannya yang melimpah, beliau termasuk orang yang paling dermawan dan paling pemurah juga merupakan seorang tokoh sahabat yang paling banyak berbuat kebajikan terhadap kaum fakir miskin. Malah, beliau juga seorang yang berdikari dan tidak suka bergantung kepada orang lain sehingga beliau menjadi peniaga yang disegani.**

Di samping memiliki kekayaan yang melimpah-ruah beliau adalah seorang yang takut dan benci kepada harta kekayaan dan selalu menghindarkan diri daripada pengaruh kekayaannya. Adalah diriwayatkan bahawa pada suatu hari, Abdul Rahman Bin Auf menangis tersedu-sedu lalu ia ditanya orang apakah yang menyebabkan beliau menangis, lalu dijawabnya...

Sesungguhnya Mas'ab adalah lebih baik daripadaku kerana ia meninggal dunia di zaman Rasul dan sewaktu meninggal dunia ia tidak memiliki walau sepotong kain yang dapat dijadikan kafan untuk membungkusnya. Sesungguhnya Hamzah Bin Muttalib juga adalah

manusia yang lebih utama daripada saya, padahal ia tidak mempunyai kain yang dapat dijadikan kafan untuk memakamkannya. Saya khuatir saya ini termasuk di antara orang yang dipercepat untuk menikmati kebahagiaan dunia dan saya khuatir akan tersisih daripada para sahabat Nabi di akhirat kelak disebabkan mempunyai banyak harta.

Inilah antara sifat-sifat yang patut dijadikan teladan oleh setiap orang yang inginkan kejayaan, di dunia maupun akhirat.

**Secara kesimpulan, Abdul Rahman memiliki lima kualiti usahawan Islam yang berjaya. Iaitu :**

- 1. Sifat yang amanah dalam melakukan semua pekerjaan.**
- 2. Peribadi yang soleh dan taat pada perintah Allah.**
- 3. Harus mempunyai semangat jati diri yang kental.**
- 4. Seorang yang berdikari dan tidak bergantung kepada orang lain.**
- 5. Tidak terlalu kebendaan, dan rakus mengejar kekayaan.**



## Pembangunan Modal Insan dalam Konteks Pendekatan Islam

**ALHAMDULILLAH**, kita masih lagi diberi peluang untuk bersua dalam ruangan berkongsi pandangan untuk mewujudkan suatu persefahaman dan rasa percaya mempercayai antara satu sama lain dengan mengambilkira aspek-aspek positif untuk melahirkan modal insan atau pekerja yang berkualiti dan efisyen.

Eksistensi PKINK yang sudah melepas usia empat dasawarsa bergerak sejajar dengan pembangunan negeri Serambi Mekah. Dasar ‘Membangun Bersama Islam’ sentiasa dicanangkan dalam budaya kerja. Dengan usia sudah mencapai empat dekad, tidak diragui lagi bahawa perbadanan ini telah mencapai satu tahap kematangan dalam merancang, mengurus, mentadbir dan membangunkan ekonomi negeri Kelantan.

Dengan kematangan dan pengalaman yang ada, PKINK ingin mencapai visi dan misi dengan bersandarkan prinsip Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI) dan modal insan berteraskan pendekatan Islam demi mencapai wawasan negara.

Oleh itu, bagi mencapai wawasan negara maju, maka peranan modal insan perlulah diberikan penekanan dalam melahirkan pekerja yang mempunyai minda kelas pertama. Hanya dengan ini matlamat serta segala visi negara dapat dicapai dan kelangsungannya dapat dijamin supaya ianya boleh dipertingkatkan oleh generasi yang akan datang.

Pelaburan dalam modal insan secara strategik dan bijak boleh membawa pulangan kepada organisasi untuk mencapai visi dan misi. Kejayaan sesuatu organisasi dimasa hadapan akan ditentukan oleh kekuatan modal insan yang dibentuk.

Dalam RMK-9, modal insan telah dijadikan nadi utama dalam mencapai pembangunan Negara. Ianya secara jelas telah mensasarkan beberapa fasa yang harus direalisasikan untuk menjamin kemajuan Negara khususnya menjelang tahun 2020.

Oleh itu, kerajaan negeri menyambut baik dasar itu dengan melihat pembangunan modal insan dalam konteks pendekatan Islam kerana ia lebih memberi

penekanan kepada kesedaran tentang betapa perlunya setiap individu mengetahui tentang apa yang perlu dilakukan, dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala tindakan atau perbuatan yang dilakukan supaya semua yang dilakukan menjadi sebahagian daripada amalan baik dan role model.

Jika dilihat dari sudut menguruskan modal insan secara holistik dalam sesebuah organisasi, kecemerlangan sesebuah organisasi adalah bergantung kepada tahap pembelajaran mereka malah lebih penting adalah tahap pengalaman mereka yang dilalui di dalam pelbagai bidang. Kemahiran dan pengalaman ini akan melahirkan individu yang mempunyai keyakinan dalam bidang mereka. Lantaran itu, mengurus modal insan secara holistik adalah perlu dititikberatkan. Perhatian perlu diberikan kepada kumpulan profesional dan juga pengurusan dalam sesuatu bidang yang merupakan aset penting dalam sesebuah organisasi. Namun begitu, tumpuan dan perhatian juga perlulah diberikan kepada kumpulan pertengahan dalam organisasi yang sama.

Selain kumpulan pengurusan, golongan muda juga perlulah diberi peluang menjadi ketua kepada anggota yang lebih kanan dalam sesuatu projek. Ini mewujudkan persekitaran yang menggalakkan terutamanya wujudnya kerjasama di kalangan kumpulan yang lebih kanan. Ini pasti dapat membantu mengurangkan bebanan pengurusan yang dihadapi oleh pengurusan yang lebih kanan.

Oleh itu, bagi menjayakan pembangunan modal insan maka kita perlu mengubah sistem pengurusan dahulu bagi mewujudkan suasana yang menggalakkan untuk bekerja. Kebajikan pekerja perlulah dipelihara untuk memastikan sesebuah organisasi tersebut berdaya maju dengan para pekerja yang berpengalaman dan komitmen yang tinggi. Insyah Allah

**HAJI MOHD SABRI BIN ABDULLAH**  
**Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK**





# Gerbang Bahasa: KEINDAHAN PERIBAHASA

Peribahasa-peribahasa perlu diabadikan untuk pengkajian generasi ini dan generasi yang akan datang, kerana peribahasa juga merupakan satu unsur dalam kebudayaan kita

ABJAD	PERIBAHASA	MAKSUD
A	Ada air, adalah ikan.	Ada negeri tentulah ada rakyatnya.
B	Bacang dibungkus tentu baunya keluar juga.	Menyimpan rahsia yang telah diketahui umum.
C	Cacing hendak menjadi naga.	Orang kecil hendak menyama-nyamai orang besar-besar.
D	Dada manusia tidak dapat diselam.	Pengetahuan (fikiran) seseorang itu tidak dapat diduga.
E	Ekor anjing berapa pun dilurut (akan dia) tiada juga betul.	Orang yang memang jahat itu tidak dapat diajar, sekali-sekala ia hendak berbuat jahat juga.
G	Gabak di hulu tanda akan hujan, cewang di langit tanda akan panas.	Ada tanda-tanda yang menunjukkan akan terjadi sesuatu hal. Gabak = redup
H	Habis adat kerana kerelaan.	Adat dapat diubah atau ditiadakan oleh muafakat, dengan persetujuan atau pendamaian.
I	Iba akan kacang sebuah, tak jadi memengat.	Kerana sayang akan perkara yang sedikit, tak tercapai apa yang dimaksudkan.
J	Jadi air mandi.	Sudah jadi kebiasaan.
K	Khabar jauh dengar-dengarkan, khabar dekat fikir-fikirkan.	Tiap-tiap khabar yang diterima hendaklah diselidiki dengan saksama supaya jangan tertipu.
L	Laba tertinggal, harta lingkap.	Laba tidak diperoleh, modalnya lenyap pula.
M	Mabuk di enggang lalu.	Semangat tertarik hatinya kepada orang yang belum dikenal.
N	Naga ditelan ular lidi.	Anak orang bangsawan kawin dengan orang kebanyakan.
O	Obat jauh peyakit hampir.	Dalam kesusahan, sukar mendapat pertolongan.
P	Pacat hendak menjadi ular.	Orang miskin berlaku seperti orang kaya; mengharapkan yang bukan-bukan
R	Raga menanti pecah.	Perkara kecil yang akan menimbulkan bencana yang lebih besar.
S	Sabar penghilang penat, tekun pembawa dekat.	Orang yang sabar akan berhasil usahanya.
T	Tabuhan meminang anak labah-labah.	Mencari jodoh yang tidak sepadan.
U	Ubur-ubur airnya hitam.	Orang yang jahat nyata pada kelakuan dan perkataannya.
W	Walau disepuh emas lancung, kilat tembaga tampak juga.	Bagaimana sekalipun diajar orang, yang biadap kelihatan juga perangainya yang kurang baik.
Y	Ya sepanjang hari, janji sepanjang jalan.	Mudah berjanji, tetapi sukar menepatinya.
Z	Zaman beralih, musim bertukar.	Segala sesuatu (peraturan, hukum dsb.) hendaklah disesuaikan dengan keadaan zaman.

فریدان کالج اقتصاد نگاری گلینچ  
**PROJEK KUMPULAN PKINK**  
 PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH



# Taman Kurnia Jaya

Sebelah Padang Golf, **PENGKALAN CHEPA**



**47 UNIT**  
 Rumah Teres 2 Tingkat  
 &  
**3 UNIT**  
 Rumah Teres 2 1/2 Tingkat

Harga Dari : RM 280,000 & Ke atas



**1 UNIT**  
 Rumah Banglo 2 Tingkat  
 &  
**6 UNIT**  
 Rumah Berkembar 2 Tingkat

Harga Dari : RM 424,000 & Ke atas



**24 UNIT**  
 Rumah Teres 2 Tingkat  
*(DOUBLE FRONTAGE)*

Harga Dari : RM 290,000 & Ke atas

## Profil Impian Sdn.Bhd. (307035-A)

PT 747, Bangunan Binaraya, Jalan Abdul Kadir Adabi Berek 12,  
 15200 Kota Bharu, Kelantan.  
 Fax: 09-741 4450

Untuk Pertanyaan & Daftar Tempahan,  
 Hubungi TEAM PEMASARAN Kami :



**09-741 4455**  
**09-741 4465**



[marketing@binaraya.com.my](mailto:marketing@binaraya.com.my)

[www.facebook.com/Binaraya-Pkink](http://www.facebook.com/Binaraya-Pkink)

**Pelaburan hari ini untuk masa depan**

TAMAN KURNIA JAYA (6)  
 No. Lot 1477, Lembah 21, 15200, Kota Bharu, Kelantan.  
 Tel. 09-741 4450 / 4465 / 4455 / 4465 / 4450  
 Nombor Telefon: 012-9999111 • Pengurusan Projek: Projek Sdn. Bhd.  
 Tarikh Jawat Daya: 05/09/2011 • Pengurusan Projek: Projek Sdn. Bhd.  
 Tarikh Jawat Daya: 05/09/2011 • Projek Sdn. Bhd.  
 Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd.  
 Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd.  
 Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd.

TAMAN KURNIA JAYA (FASA 7)  
 No. Lot 1477, Lembah 21, 15200, Kota Bharu, Kelantan.  
 Tel. 09-741 4450 / 4465 / 4455 / 4465 / 4450  
 Nombor Telefon: 012-9999111 • Pengurusan Projek: Projek Sdn. Bhd.  
 Tarikh Jawat Daya: 05/09/2011 • Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd.  
 Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd.  
 Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd.

TAMAN KURNIA JAYA (FASA 8)  
 No. Lot 1477, Lembah 21, 15200, Kota Bharu, Kelantan.  
 Tel. 09-741 4450 / 4465 / 4455 / 4465 / 4450  
 Nombor Telefon: 012-9999111 • Pengurusan Projek: Projek Sdn. Bhd.  
 Tarikh Jawat Daya: 05/09/2011 • Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd.  
 Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd. • Projek Sdn. Bhd.